



**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT
ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH KEMAS
BILANGAN 1 TAHUN 2009**

Semua Pengarah KEMAS Negeri
Semua Pengetua Institut Latihan & Pusat Latihan KEMAS

**PELAKSANAAN MESYUARAT–MESYUARAT BERKALA WAJIB DI
KEMAS NEGERI / INSTITUT LATIHAN / PUSAT LATIHAN DAN
PEJABAT KEMAS DAERAH**

1. TUJUAN

Arahan Pentadbiran ini adalah bertujuan untuk menjelaskan mengenai tanggungjawab dan kepentingan semua Pengarah KEMAS Negeri, Pengetua di Institut dan Pusat Latihan KEMAS seluruh negara dalam memastikan pelaksanaan Mesyuarat–Mesyuarat Berkala Wajib sepanjang tahun.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Merujuk kepada Mesyuarat Pengarah–Pengarah KEMAS Bil.1/2009 yang telah diadakan 24 Februari 2009, semua Pengarah dan Pengetua KEMAS telah dimaklumkan mengenai tanggungjawab dan kepentingan melaksanakan Mesyuarat–Mesyuarat Berkala Wajib mengikut kekerapan yang telah ditetapkan oleh pekeliling dan arahan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan Jabatan seperti berikut :

- i) Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) – empat (4) kali setahun.

- ii) Mesyuarat Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPA) – empat (4) kali setahun.
- iii) Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) – empat (4) kali setahun.
- iv) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) – empat (4) kali setahun.
- v) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pembangunan (JKPP) – setiap bulan.
- vi) Mesyuarat Pengurusan Dan Mingguan Peringkat Negeri / Institut / Pusat Latihan / Pejabat KEMAS Daerah.

2.2 Mesyuarat–mesyuarat yang dinyatakan ini perlu diadakan sebelum tarikh ianya dilaksanakan di Ibu Pejabat. Minit mesyuarat yang telah diadakan perlu disiapkan dalam tempoh tiga (3) hari dan dihantar ke Ibu Pejabat KEMAS bagi membolehkan isu–isu yang dibincangkan di Negeri dibentangkan semula di Ibu Pejabat KEMAS. Tambahan maklumat juga perlu disediakan melalui maklum balas mesyuarat yang diadakan di Ibu Pejabat sepertimana yang diarahkan dari masa ke semasa.

3. KUATKUASA

Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah KEMAS ini berkuatkuasa mulai tarikh arahan ini dan dibacakan bersama – sama dengan pekeliling lain yang berkaitan.


(DATO' ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN)

Ruj : KEMAS 100-01/01/01 ()
Tarikh : 30 Julai 2009

s.k. : Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Malaysia